

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2017**

**RUJUKAN : 10272**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah  
diambil dalam memastikan pengedaran dadah dalam negara dapat  
dibendung dan memastikan bilangan penagih turut dapat disifarkan.**

67

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dan penyeludupan dadah dalam negara dan sentiasa berusaha membanteras dan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut:

- a) memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;
- c) memperkasakan penguatkuasaan dan risikan di kawasan sempadan negara melalui kerjasama antarabangsa dengan pihak berkuasa Thailand dengan penubuhan Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) di sempadan Kelantan, Kedah, Perlis dan Perak;
- d) memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK);

- e) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah;
- f) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988;
- g) mengadakan kerjasama erat dengan Kementerian atau agensi-agensi lain untuk memantau kemasukan bahan-bahan atau "*precursor*" yang digunakan untuk menghasilkan dadah jenis sintetik;
- h) memantau media sosial bagi mencegah dan melumpuhkan sebarang bentuk kegiatan jual beli dadah secara atas talian; dan
- i) menjalankan Op Sarang bagi membanteras kegiatan penagihan dan penyalahgunaan dadah sekali gus menutup sarang tersebut.